

Nisbah pelajar jejas status sosioekonomi

DARI MUKA 1 B.H 6/7/06 (MS3)

memberitahu 1,251 pelajar mendaftar hujung minggu lalu.

Perangkaan pelajar wanita di Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga tidak diketahui tetapi sebelum ini kira-kira 11,000 pelajar diploma dan ijazah sarjana muda diambil setiap tahun dan kira-kira 60 peratus daripadanya wanita.

Sementara itu, Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno, Ahmad Ikmal Ismail, berkata ketidakseimbangan itu akan menjejaskan status sosioekonomi negara kerana graduan wanita jauh melebihi lelaki.

"Secara relatif gaji pekerja wanita juga lebih tinggi daripada lelaki. Ini membawa masalah sosial seperti lelaki bimbang untuk meminang wanita berkelulusan lebih tinggi, anak dara lanjut usia atau isteri tidak menghormati suami yang berkelulusan lebih rendah," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, pelajar wanita tidak boleh disalahkan kerana mereka sentiasa mempunyai keinginan untuk memajukan diri hingga mencapai kejayaan cemerlang.

"Keadaan ini sepatutnya menyedarkan pelajar lelaki supaya berusaha lebih gigih pada peringkat sekolah," katanya ketika dihubungi.

Ahmad Ikmal juga berkata, adalah tidak adil untuk mengadakan kuota untuk pelajar lelaki melanjutkan pengajian di universiti awam kerana langkah itu seolah-olah tidak mengiktiraf keupayaan pelajar wanita.

"Parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan patut membantu pelajar terutama pelajar lelaki menerusi kelas bimbingan atau motivasi.

"Pemuda Umno sudah pun menjalankan program ini dan kita bercadang memperluas serta menambah program motivasi untuk pelajar di seluruh negara mulai tahun ini," katanya.

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

INFO

Peratus pelajar wanita di IPT sesi akademik Julai 2006/2007

- | | |
|--------------|---------------|
| ● UUM - 73 | ● USM - 60 |
| ● UPM - 70 | ● Unimas - 60 |
| ● UKM - 67.7 | ● UPSI - 60 |
| ● UM - 60 | ● UTM - 40 |